

Pencemaran sungai jejas sumber air negara

Keadaan Sungai Klang di Shah Alam tercemar teruk kerana dipenuhi sampah sarap yang dibuang orang ramai sesuka hati tanpa memikirkan kesan perbuatan mereka boleh merosakkan alam sekitar, malah lebih teruk lagi perbuatan seumpama ini boleh menjejaskan sumber air negara. Keadaan itu boleh dilihat berhampiran kawasan perindustrian Seksyen 23, Shah Alam. Ia bukan saja menjejaskan pemandangan, malah boleh membawa pelbagai penyakit. Oleh itu, pihak berkuasa terbabit perlu segera memantau dan menanganinya sebelum terlewat.

